

KENYATAAN MEDIA

MALAYSIA MENANG KERUSI DALAM LEMBAGA PENGARAH SMIIC

ISTANBUL, NOVEMBER 26 – Malaysia berjaya memenangi kerusi dalam pemilihan Lembaga Pengarah *Standards and Metrology Institute for Islamic Countries* (SMIIC)* bagi penggal 2018-2020 di Perhimpunan Agung Ke-12 SMIIC, hari ini.

Keputusan undian yang diumumkan pada pukul 1.00 petang waktu Turki (6.00 petang waktu Malaysia) menyaksikan sebanyak 13 negara anggota SMIIC telah dipilih dalam lembaga pengarah kali ini iaitu Malaysia, Cameroon, Mesir, Iran, Iraq, Jordan, Maghribi, Pakistan, Arab Saudi, Sudan, Tunisia, Turki dan Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Dengan pelantikan sebagai ahli Lembaga Pengarah SMIIC ini, Malaysia telah berjaya menempatkan diri dalam struktur tertinggi tadbir urus SMIIC. Sebagai ahli lembaga pengarah SMIIC, Malaysia berpeluang mencorakkan dasar, halatuju, perancangan program dan agenda standard halal dunia.

Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), YBhg. Datuk Seri Dr Mohd Azhar Hj. Yahaya berkata "Kemenangan ini telah membuktikan bahawa negara-negara lain di dunia terutamanya negara OIC memberikan kepercayaan dan keyakinan mereka terhadap Malaysia, khususnya dalam bidang pembangunan standard halal, aktiviti akreditasi dan pensijilan halal".

Sebelum ini, Malaysia telah mengambil beberapa inisiatif baru untuk memperkukuhkan struktur tadbir urus dan ekosistem halal di negara ini bagi menghadapi cabaran semasa termasuklah dalam proses penyeragaman standard halal, pensijilan dan akreditasi halal. Satu jawatankuasa di peringkat tertinggi juga telah ditubuhkan untuk memantapkan agenda halal negara.

Malaysia menyertai SMIIC sejak bulan Disember 2014. Sejak menganggotai SMIIC, Standard Malaysia telah dipilih untuk menjadi ahli Kumpulan *Task Force* (TFG) yang bertanggungjawab mengkaji semua dokumen dalaman SMIIC termasuk dokumen polisi dan dasar. Di samping itu, Malaysia juga

merupakan Pengerusi dan Urus Setia untuk Jawatankuasa Teknikal Halal (TC 10) mengenai *Halal Supply Chain* di SMIIC.

Malaysia juga telah secara aktif menganjurkan kursus tahunan mengenai Standard dan Infrastruktur Pematuhan Halal bagi negara-negara OIC dan ASEAN sejak tahun 2006. di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP).

Sehingga hari ini, MOSTI melalui Standards Malaysia telah membangunkan 14 standard halal dalam pelbagai bidang halal merangkumi makanan, farmaseutikal, logistik, produk penjagaan peribadi, ujian makmal halal, perkhidmatan hospitaliti mesra muslim dan sebagainya. Standard halal Malaysia sentiasa menjadi penanda aras dan rujukan kepada negara-negara OIC. Selain itu, terdapat 27 buah makmal ujian halal yang telah diakredit di bawah Standards Malaysia di seluruh Malaysia untuk melindungi kepentingan ummah dan merencanakan ekosistem halal Malaysia.

* Maklumat lanjut mengenai SMIIC: <https://www.smiic.org/>

-----TAMAT-----



Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia
Phone: 03-8885 8141, Fax: 03-8890 3092

Jabatan Standard Malaysia
No. Telefon: 03-8318 2211 / 016 398 8801
Emel: kee@jst.gov.my
Website: www.jst.gov.my



Foto (dari kiri): En. Muhammad Naim Mohd Aziz, Penolong Pengarah Hab Halal JAKIM; En. Hussalmizzar Bin Hussain, Pengarah Perancangan Strategik Jabatan Standard Malaysia; YBhg. Dato'Dr. Sirajuddin Suhaimee, Pengarah Hab Halal JAKIM; YBhg. Datuk Seri Dr. Mohd Azhar Hj. Yahaya, Ketua Setiusaha MOSTI; En. Badrul Hisham Bin Mohd, TKSU Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani; En. Mohd. Idzham Ab. Hamid, MATRADE Istanbul; En. Megat Iskandar Ahmad Dassilah, MATRADE KL